

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah pembaharuan daripada segi inovasi dalam menghadapi cabaran larangan EU dan AS terhadap minyak kelapa sawit.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pada masa ini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama agensi di bawahnya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) sedang giat memastikan industri sawit negara sebagai industri yang mampan selaras dengan hala tuju dan kerangka *Sustainable Development Goals* (SDG) Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mematuhi permintaan global termasuklah Kesatuan Eropah (*European Union* – EU) dan Amerika Syarikat (AS).

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak perundangan EU telah menghadkan penggunaan minyak sawit sebagai bahan mentah biobahan api menjelang 2023. Bagi memperlihatkan kesungguhan Malaysia ke arah kemampanan pengeluaran sawit, Kementerian saya telah melaksanakan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori sejak 1 Januari 2020 yang lalu. Pelaksanaan ini dibuat di sepanjang rangkaian pengeluaran minyak

## SOALAN NO : 18

sawit dengan memastikan segala amalan pertanian baik (GAP), peraturan dan perundangan serta kepentingan kepada alam sekitar dipatuhi.

Sehingga 13 November 2020, pencapaian pensijilan MSPO dilihat baik iaitu 88.04% atau 5.2 juta hektar daripada 5.9 juta hektar kawasan tanaman sawit yang berlesen telah dipersijilkan dengan MSPO. Manakala 94.25% atau 426 daripada 452 kilang sawit pula telah dipersijilkan dengan MSPO. Pensijilan MSPO ini kini dalam proses penilaian semula bagi memperkukuhkan lagi pensijilan tersebut. Pada masa yang sama, usaha juga sedang giat dilaksanakan bagi penerimaan dan pengiktirafan MSPO di peringkat global terutamanya di pasaran Eropah. Selain itu, program promosi MSPO juga turut giat diadakan di Amerika Syarikat.

Dalam memperkasakan lagi aktiviti penanaman sawit khususnya ke arah kemampanan industri, Kementerian telah memperkenalkan beberapa polisi baharu iaitu:

- (i) mengehadkan keluasan penanaman kelapa sawit seluruh negara dengan penetapan sasaran seluas 6.5 juta hektar sahaja;
- (ii) melaksanakan larangan penanaman baharu sawit di atas kawasan baharu tanah gambut dan penetapan syarat serta peraturan yang lebih ketat terhadap tanaman sawit di kawasan tanah gambut sedia ada;
- (iii) melaksanakan larangan penukaran guna tanah Hutan Simpan Kekal (HSK) bagi aktiviti penanaman sawit atau tanaman pertanian lain; dan
- (iv) penyediaan peta rasmi bagi kawasan sawit di seluruh negara untuk capaian umum.

Pelaksanaan kepada polisi ini adalah penting bagi meyakinkan pihak luar terhadap ketelusan negara dalam menguruskan aktiviti penanaman sawit dengan mampan tanpa mengabaikan kepentingan alam sekitar dan pada masa yang sama sebagai salah satu usaha bagi menangkis segala dakwaan yang tidak tepat daripada pihak luar terutamanya EU terhadap industri sawit negara.

## SOALAN NO : 18

Selain itu industri sawit negara kini memberi perhatian dan fokus dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil sawit melalui sumber sedia ada yang terhad dan secara tindak langsung mengelakkan risiko peluasan kawasan sawit di kawasan yang sensitif seperti hutan dan tanah gambut. Antara langkah dalam meningkatkan produktiviti ini termasuklah:

- (i) penggunaan teknologi genom bagi penghasilan benih yang lebih berkualiti;
- (ii) mekanisasi ladang dan penggunaan jentera yang lebih efektif dalam proses tuaian; dan
- (iii) pembangunan formulasi dan penggunaan baja yang cekap nutrien serta kawalan penyakit dan perosak yang berkesan.

Untuk makluman, Kementerian saya juga melalui MPOB sentiasa menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk-produk baharu tambah nilai berasaskan sawit terutamanya untuk sektor hiliran seperti fitonutrien dan oleokimia. Oleh itu, strategi pemasaran produk sawit Malaysia sentiasa dinamik bergantung kepada perubahan semasa dan industri sawit negara sentiasa sedia untuk mengadaptasi terhadap perubahan global.

Di samping itu juga, siri jerayawara (*roadshow*) berkaitan amalan-amalan yang boleh dikategorikan mempunyai elemen buruh paksa kepada pemain industri sawit Malaysia turut diadakan. Program oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran pemain industri sawit terhadap isu berkaitan buruh paksa serta hak asasi manusia yang berkemungkinan boleh menjejaskan syarikat mereka di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.